



MALAYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982

MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
(Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia)

Rujukan Kami : MSAE/WEBINAR/MAKLUMAN

Tarikh : 1 Mei 2020

SEMUA PEMBENTANG ORAL DAN POSTER

Konferen Webinar MSAE 2020

Tuan/Puan,

MAKLUMAN BERKENAAN KONFEREN WEBINAR MSAE 2020 DAN PENYERAHAN VIDEO DAN SLAID PEMBENTANGAN ORAL/POSTER

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagai usaha Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) dalam mengekang penularan wabak coronavirus (Covid-19) serta menyahut saranan kerajaan untuk mengelakkan program yang melibatkan perhimpunan ramai, ingin dimaklumkan bahawa Konferen MSAE 2020 yang sepatutnya diadakan pada 7-8 April 2020 akan digantikan menjadi KONFEREN WEBINAR MSAE 2020. Konferen Webinar ini akan diadakan secara atas talian pada 29 Jun 2020. Semua kandungan program akan dapat dilayari selama 2 minggu dari tarikh konferen tersebut.

3. KONFEREN WEBINAR MSAE 2020 ini akan diadakan dengan menggunakan kaedah perkongsian video dan slaid/poster pembentangan di laman web rasmi konferen. Oleh yang demikian, Tuan/Puan diminta untuk menghasilkan satu rakaman video pembentangan (format mp4) mengikut kategori seperti dibawah:

Pembentang Oral : Video berdurasi 15 minit dan Slaid pembentangan (*softcopy*)

Pembentang Poster : Video berdurasi 3 minit dan Poster A1 (*softcopy*)

4. Video rakaman dan slaid/poster (format pdf) pembentangan tersebut boleh disediakan di dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris. Video anda perlu dimuatnaik di *google drive* dan pautan (*link*) video tersebut beserta slaid/poster pembentangan anda perlu diemelkan ke konferenmsae2020@gmail.com selewat-lewatnya pada 14 Mei 2020 (khamis).

5. Tiada perubahan pada bayaran yuran pendaftaran (rujuk poster konferen webinar untuk maklumat lanjut berkaitan yuran pendaftaran). Disertakan bersama surat ini poster program dan template poster untuk makluman dan rujukan Tuan/Puan.



MALAYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982

MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
(Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia)

Kerjasama Tuan/Puan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(PROF. MADYA. DR. ROSNAH SHAMSUDIN)

Presiden

Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE)

Sesi 2019/2021